

→ EKSklusif

SUSULAN BH DEDAH SYARIKAT ANJUR SKIM PELABURAN ASAS TANI

Ternak lembu, tanam cili untung kecil

→ Syarikat kaut pulangan lumayan menerusi deposit dikutip

yang menganjurkannya pula akan mendapat keuntungan lumayan menerusi deposit yang dikutip dalam tempoh singkat.

Katanya, pelaburan seperti itu akan nampak baik dalam tempoh setahun tetapi masalah timbul selepas itu yang biasanya disertai beberapa tanda seperti bayaran 'keuntungan' lewat.

Katanya, penawaran kadar faedah minimum 20 peratus yang ditawarkan, sudah cukup untuk menyamakannya dengan banyak lagi skim pelaburan lain yang pernah menipu ramai orang selama ini.

Beliau diminta mengulas pendedahan BH mengenai sebuah syarikat berstatus enterprise yang menganjurkan skim pelaburan asas tani yang dikesan menguruskan transaksi mencapai RM10 juta yang disertai pelabur dari seluruh negara.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkata hanya syarikat berstatus berhad yang dibenarkan

BH PLUS

 di www.bharian.com.my
 untuk lebih gambar dan video

menawarkan skim berkepentingan selepas mendapat kebenaran dan memenuhi semua syarat berkaitan Akta Syarikat 1965.

Salah di sisi undang-undang

Azizi berkata skim itu menyalahi undang-undang kerana mengambil deposit orang ramai tanpa kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Sebuah syarikat pelaburan tidak akan memilih untuk menanam cili dan menternak lembu untuk menjanjikan keuntungan sangat tinggi kepada ahlinya. Ini semua tidak masuk akal," katanya.

Azizi berkata, memang ada ramai



Pelaburan seperti itu akan nampak baik dalam tempoh setahun tetapi masalah timbul selepas itu"

Azizi Ali,

Pakar pelaburan kewangan

yang menerima bayaran faedah yang dijanjikan dan mereka inilah yang akan menjadi 'tukang promosi' untuk menarik ahli baharu.

Katanya, hampir semua skim pelaburan yang ditawarkan di laman sosial mempunyai risiko penipuan dengan mengambil deposit daripada ahli dan menjanjikan pulangan lumayan sebagai tarikan utama mereka.

"Tidak semestinya semua skim itu 'sapu' duit orang tetapi apabila mereka ambil deposit, itu sudah menyalahi undang-undang dan memberi risiko besar kepada ahlinya.

"Tidak ada mana-mana pihak boleh ambil deposit kecuali yang dibenarkan Bank Negara Malaysia," katanya.

Beliau berkata, tidak semua orang memahami mengenai taktik penipuan dalam pelaburan dan apabila penganjurnya mengumpakan dengan satu sistem mudah menjana kewangan, ia menjadi satu tarikan kepada mereka.

Oleh Wartawan BH
 bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Deposit yang dilaburkan orang ramai dalam satu skim asas tani membabitkan tanaman cili dan ternakan lembu berisiko kerana perniagaan yang dipilih syarikat terbabit bukan yang boleh memberi pulangan lumayan.

Pakar pelaburan kewangan, Azizi Ali, berkata sebaliknya, syarikat